



TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YANG AMAT BERHORMAT DATUK AMAR HAJI FADILLAH
BIN HAJI YUSOF
TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP MENTERI
PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)**

**MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH
*ENERGY EFFICIENCY CHALLENGE 2025***

**20 NOVEMBER 2025 (KHAMIS)
HOTEL DOUBLETREE BY HILTON PUTRAJAYA LAKESIDE,
PUTRAJAYA**

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih Tuan Pengerusi Majlis,

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia
MADANI

SALUTASI

**Yang Berusaha Puan Mareena binti Mahpudz
Timbalan Ketua Setiausaha (Tenaga)
Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air**

**Yang Berusaha Tuan Ab Aziz bin Mamat
Pengarah Institut Aminuddin Baki
Selaku Wakil Ketua Pengarah Kementerian Pendidikan
Malaysia**

**Yang Berusaha Tuan Shahrizal bin Mohd Saderi
Pengarah Bahagian Pendidikan Menengah MARA
Selaku Wakil Ketua Pengarah MARA**

**Yang Berusaha Puan Siti Safinah Salleh
Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Tenaga**

Pegawai-pegawai Kanan dari Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, serta Agensi-Agensi di bawahnya

Pegawai-pegawai Kanan dari Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri dan Majlis Amanah Rakyat

Pengarah-pengarah Jabatan Suruhanjaya Tenaga

Wakil-wakil Media

Dan seterusnya, yang diraikan pada hari ini, barisan pemenang Energy Efficiency Challenge 2025.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

Izinkan saya mulakan ucapan saya dengan renungan, firman Allah SWT dalam Surah Al-A'raf ayat 31:

“... Makan dan minumlah, tetapi janganlah berlebih-lebihan; sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang berlebih-lebihan.”

Ayat ini bukan sekadar panduan gaya hidup, tetapi asas kepada falsafah kecekapan tenaga — menggunakan sumber secara berhemah, tidak membazir, dan bertanggungjawab terhadap amanah alam.

Seperti kata Sayyidina Umar al-Khattab RA:

“Janganlah kamu membebankan bumi lebih daripada keperluannya, kerana ia juga mempunyai hak untuk dipelihara.”

1. Alhamdulillah, atas limpah kurnia-Nya kita dapat berhimpun pada pagi yang penuh makna ini sempena **Majlis Penyampaian Hadiah *Energy Efficiency Challenge* 2025**.
2. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Majlis Amanah Rakyat, para pengetua, guru-guru dan ibu bapa atas sokongan berterusan.
3. Kehadiran anak-anak muda hari ini menjadi bukti bahawa generasi baharu Malaysia semakin peka tentang tenaga

dan kelestarian — satu perkembangan yang sangat membanggakan.

4. Ini merupakan kali kedua saya diberi amanah untuk merasmikan majlis ini. ***Energy Efficiency Challenge*** bukan sekadar pertandingan, tetapi medan melahirkan “**hero tenaga**” masa depan.

5. Tema “**Jadilah Bijak Tenaga**” selari dengan semangat perubahan yang digariskan dalam NETR, serta pelaksanaan **Akta Kecekapan dan Konservasi Tenaga (EECA)** pada 1 Januari 2025.

Namun seperti yang pernah diungkapkan oleh Imam Al-Ghazali:

“Yang paling jauh di dunia ini adalah masa lalu, kerana ia tidak akan kembali; maka gunakanlah masa kini sebaik-baiknya.”

Kata-kata ini mengingatkan kita bahawa setiap detik yang hadir adalah amanah, peluang, dan pintu kebaikan yang tidak boleh disia-siakan.

Kecekapan tenaga bukan hanya soal teknologi — ia adalah soal sikap, disiplin, dan kesedaran.

6. Ia bermula daripada pilihan-pilihan kecil yang kita lakukan setiap hari: **memadam lampu yang tidak perlu, mengurangkan pembaziran, menghargai sumber, dan berfikir jauh sebelum bertindak.**

Kepada anak-anak muda yang dikasihi, renungilah bahawa masa depan negara ini berada dalam tangan anda semua.

7. Dunia hari ini dipacu oleh inovasi, namun inovasi yang sebenar bermula dari hati yang sedar dan cekal, serta minda yang terbuka dan sifat yang bertanggungjawab.
8. **Jadikan kecekapan tenaga sebagai budaya, bukan sekadar kempen.** Amalkan disiplin dan integriti walaupun tiada siapa melihat. Dan percaya bahawa perubahan besar selalu bermula dengan langkah kecil yang konsisten.
9. **Kerana di tangan anak-anak muda kita ini lah tersimpan nya harapan sebuah negara yang lebih lestari, lebih bijaksana, dan lebih bersedia untuk masa depan.**
10. Gunakanlah masa kini sebagai ruang untuk membina legasi. **Legasi yang bukan sahaja memperbaiki**

teknologi, tetapi juga memperelok akhlak, pemikiran, dan cara hidup kita sebagai khalifah di muka bumi.

Hadirin yang saya hormati,

11. Slogan '**Be Energy Smart**' yang dibawa oleh Suruhanjaya Tenaga bukan retorik; ia adalah gaya hidup.
12. Amalan ini bukan sahaja menjimatkan tenaga dan kos, malah mengurangkan kesan rumah hijau.
13. Jika nilai ini dipupuk sejak di bangku sekolah, ia membentuk generasi yang lebih bertanggungjawab terhadap alam sekitar.

Sebagaimana pesan Ibnu Khaldun:

“Generasi muda adalah cerminan masa depan sebuah tamadun.”

Hadirin yang dikasihi,

14. Penjimatan tenaga tahun ini mencapai **133,030 kWj** atau **RM60,395**. Ini adalah peningkatan lebih dua kali ganda berbanding 2024.

15. Lebih membanggakan, penjimatan terkumpul sepanjang 12 tahun penganjuran (2014–2025) telah mencecah:

- **1,701,055 kWh tenaga dijimatkan**
- **RM900,841 nilai penjimatan**
- **1,316 tan CO₂ karbon dihindarkan**

16. Ini bersamaan pertumbuhan **lebih 54,850 batang pokok selama 10 tahun.**

17. Pencapaian ini menzahirkan bahawa **usaha kecil yang konsisten mampu menghasilkan impak yang besar.**

Hadirin dan hadirat yang saya hormati,

18. Dikesempatan ini, saya ingin ucapkan Syabas kepada semua peserta, guru dan komuniti sekolah.

19. Ucapan Tahniah juga kepada Suruhanjaya Tenaga atas kejayaan penganjuran yang berterusan.

20. Program edutainment seperti ini kini diperkukuh melalui **Malaysia Energy Literacy Program (MELP)** dan

bakal diperluas melalui platform **DELIMa** di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

21. Langkah ini penting dalam membentuk masyarakat celik tenaga yang mampu membuat keputusan penggunaan tenaga secara bijak.

Hadirin sekalian,

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, izinkan saya mengingatkan diri saya sendiri dan kita semua dengan sabda Nabi Muhammad SAW:

“Sesungguhnya Allah mencintai hamba yang apabila melakukan sesuatu pekerjaan, dia menyempurnakannya.”
(Hadis Riwayat al-Baihaqi)

Hadis ini bukan sekadar peringatan, tetapi kompas kehidupan. Ia mengajar kita bahawa setiap tindakan — sekecil apa pun — mempunyai nilai di sisi Allah apabila dilakukan dengan ihsan, kesungguhan dan penuh tanggungjawab.

22. **Kecekapan tenaga, disiplin penggunaan dan penjagaan alam** adalah sebahagian daripada ihsan itu. Ia bukan hanya soal teknologi atau dasar; ia adalah cerminan akhlak, akal budi dan amanah kita sebagai penjaga bumi.
23. Dan kepada **generasi muda** yang akan mewarisi dunia ini: ***Ketahuilah bahawa masa depan tidak dibentuk oleh slogan, tetapi oleh tindakan-tindakan berprinsip yang kalian lakukan hari ini. Setiap kali anda memilih untuk menjimatkan tenaga, mengurangkan pembaziran, menghormati alam dan berfikir jauh tentang kesan perbuatan anda — anda sedang menulis masa depan yang lebih bersih dan lebih lestari.***
24. Bawalah bersama nilai ihsan dalam apa jua pekerjaan — **dalam belajar, bekerja, berkhidmat, dan memimpin.**
25. **Kerana ihsan itulah yang membezakan antara kerja yang sekadar siap, dan kerja yang memberi manfaat berpanjangan.**
26. Semoga kita semua pulang hari ini dengan hati yang lebih sedar, tekad yang lebih kuat dan komitmen yang lebih tinggi untuk menjadi hamba yang bukan sahaja berusaha, tetapi **menyempurnakan amanah** yang telah dipikul.

27. Dengan semangat inilah, iaitu semangat ihsan, amanah dan kesungguhan untuk menyempurnakan setiap usaha, **saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Penyampaian Hadiah Energy Efficiency Challenge 2025.**

28. Moga acara ini bukan sekadar meraikan pemenang, tetapi menjadi pemangkin kepada lebih banyak inovasi, lebih banyak kesedaran, dan lebih banyak komitmen dalam membina masa depan tenaga yang lestari untuk negara kita.

Sekian, Wabillahitaufik walhidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.